

KUMPULAN BIMB UMUM PBZT RM559.6 JUTA UNTUK TEMPOH 9B2022

SOROTAN S32022

- Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat Kumpulan (PBZT) meningkat 20.9% berbanding S22022 kepada RM219.0 juta.
 - Pulangan Ekuiti Bersih Tahunan (ROE) adalah 7.6% dan Perolehan Sesaham (EPS) 17.02 sen.
 - Pembiayaan kasar meningkat sebanyak 9.1% tahun-ke-tahun (y-o-y) kepada RM62.1 bilion.
 - Komposisi CASATIA kukuh pada 36.0%.
 - Nisbah Jumlah Modal yang baik pada 20.4%.
-

KUALA LUMPUR, Rabu, [30 November 2022]: Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB atau Kumpulan) merekodkan PBZT berjumlah RM559.6 juta bagi tempoh sembilan bulan pertama berakhir 30 September 2022 (9B2022), menyusut 10.9% atau RM68.3 juta berbanding tempoh sama tahun lepas. Prestasi itu diterjemahkan kepada pendapatan sesaham Kumpulan sebanyak 17.02 sen dan ROE bersih tahunan sebanyak 7.6%.

Berikutan aktiviti ekonomi bertambah baik, Kumpulan mencatat PBZT sebanyak RM219.0 juta bagi suku ketiga berakhir 30 September 2022 (S32022). Ia merupakan peningkatan ketara dalam PBZT iaitu 43.3% berbanding suku sama tahun lepas (S32021) yang direkodkan sebanyak RM152.8 juta serta kenaikan 20.9% berbanding RM181.2 juta pada suku kedua berakhir 30 Jun 2022 (S22022). Sebahagian besar daripada pengukuhan ini disumbangkan oleh pendapatan bersih lebih tinggi dan peruntukan bersih lebih rendah untuk pembiayaan dan pendahuluan.

Jumlah aset Kumpulan meningkat y-o-y sebanyak 12.9% kepada RM86.2 bilion pada akhir September 2022. Pembiayaan kasar meningkat 9.1% y-o-y kepada RM62.1 bilion, manakala deposit pelanggan dan akaun pelaburan berjumlah RM72.3 bilion, dengan kenaikan y-o-y sebanyak RM7.9 bilion atau 12.2%.

Jumlah akaun pelaburan semasa, simpanan dan transaksi (CASATIA) telah meningkat 3.7% tahun ke tahun kepada RM26.0 bilion. Komposisi ini berada pada paras sihat sebanyak 36.0% daripada jumlah deposit pelanggan dan akaun pelaburan. Nisbah Jumlah Modal Kumpulan kekal kukuh pada 20.4% bersandarkan sokongan kecairan yang sihat.

Tinjauan Kumpulan

Dengan sebahagian besar daripada perniagaan dipacu segmen runcit, BIMB terus memperkukuhkan kekuatan terasnya dengan mengekalkan model pembiayaan pembayaran bercagar, pada masa sama membentuk jalinan kerjasama dengan

organisasi-organisasi sasar. Dengan menjalankan perniagaan yang bertumpukan pelanggan, BIMB berusaha untuk menyediakan penyelesaian kewangan merentasi pelbagai segmen menerusi saluran edaran Perbankan Runcit dan Perbankan Kekayaan Premium. Aplikasi mudah alih kami, GO by Bank Islam, memperlihatkan pertumbuhan pesat dalam bilangan pengguna dan kami terus memperkenalkan pelbagai fungsi baharu. Bagi mempertingkatkan lagi proses operasi perniagaan, BIMB merancang untuk mengoptimumkan pendigitalan dalam menyampaikan perkhidmatan yang mudah dan khusus kepada pelanggan demi meningkatkan pengalaman perbankan mereka.

“Dalam merealisasikan matlamat Kumpulan untuk sentiasa bersedia demi masa hadapan, kami telah memulakan fasa kedua Pelan Tindakan IT empat tahun untuk meningkatkan cara kerja BIMB. Langkah tersebut membolehkan kami mengukuhkan infrastruktur IT dengan berkesan sambil memberi tumpuan kepada peningkatan pengalaman pelanggan dan menyampaikan objektif perniagaan,” kata Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan BIMB, Mohd Muazzam Mohamed.

Sebagai sebahagian daripada langkah kemampanan dan komitmen ESG, BIMB sedang mengembangkan portfolio pembiayaan hijau dan meluaskan pendedahannya kepada segmen mesra alam baharu seperti kecekapan tenaga, pemezeran tenaga bersih, automasi pejabat dan pengurusan sisa.

“Sehingga kini, kami telah meluluskan kira-kira RM2.9 bilion dalam pembiayaan hijau untuk projek-projek tenaga boleh diperbaharui, pengurusan sisa mampan, pengangkutan awam dan pembuatan hijau. Bank Islam (Bank) telah menetapkan sasaran RM4 bilion untuk meningkatkan portfolio pembiayaan hijau menjelang tahun 2025. Untuk mencapai matlamat ini, BIMB giat memperkukuhkan segmen pembiayaan iklim dengan membangunkan produk-produk bersasar termasuk pembiayaan terhadap usaha peralihan rendah karbon PKS dan pembiayaan berkaitan ESG untuk syarikat-syarikat korporat yang mengalihkan operasi perniagaannya ke arah rendah karbon,” tambah Muazzam.

BIMB juga sedang membangunkan model rantai bekalan digital untuk memenuhi keperluan pelanggan korporat. Mengoptimumkan platform digital akan membantu BIMB mengukuhkan kerjasama dan membuka lebih banyak peluang perniagaan dengan rakan niaga sedia ada serta pelanggan sasarannya.

Sementara itu, BIMB berhasrat untuk memupuk dan mengembangkan fokus sektor baharu kepada bank, terutamanya dalam segmen pembiayaan hijau dan Sukuk tidak bertaraf, sebagai sebahagian daripada komitmen untuk mempelbagaikan sumbangan pendapatannya. Pada masa sama, BIMB kekal waspada dalam mengekalkan kualiti aset dengan lebih berhati-hati menerima pelanggan baharu.

Sebagai pengiktirafan komitmen kami ke arah ESG, subsidiari Kumpulan, BIMB Investment Management Berhad (BIMB Investment), menerima anugerah terbaik di majlis sulung Anugerah ESG The Edge 2022 yang dianjurkan baru-baru ini. BIMB Investment menerima dua anugerah Emas di bawah Kategori Dana untuk BIMB-Arabesque Global Shariah-ESG AI Tech MYR iaitu Pemenang Keseluruhan Terbaik dan

Kelas Aset Berasaskan Dana Terbaik (Ekuiti). Setakat 31 Oktober 2022, BIMB Investment mempunyai tujuh dana ESG-patuh Syariah dengan aset bawah pengurusan yang bernilai lebih RM800 juta.

BIMB kekal di landasan dalam melaksanakan pelan hala tuju lima tahunnya untuk menjadi peneraju penyelesaian pembiayaan Syariah-ESG lengkap berteraskan prinsip VBI dalam model perniagaannya. Dalam memajukan perbankan mampan, BIMB telah melaksanakan pendekatan untuk mempertimbangkan profil risiko ESG pelanggannya sebagai sebahagian daripada proses awal permohonan sementara Rangka Kerja Pengurusan Risiko ESG sedang dibangunkan.

Permohonan pembiayaan baharu kini dinilai untuk risiko ESG dengan pertimbangan tinggi terhadap ESG berdasarkan konteks industri khusus yang juga sejajar dengan usaha pihak kawal selia untuk membina sebuah sistem kewangan yang berdaya tahan.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Untuk maklumat lanjut, sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di:
MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my